



Submission date: 05/05/2023 Accepted date: 10/08/2023 Published date: 01/10/2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.539>

TINJAUAN KONSEP PEMBIAYAAN KREDIT MIKRO DI MALAYSIA

Overview on the Concept of Micro Credit Financing In Malaysia

Nur Khalidah Dahlan^{a1}, Wan Aishah Wan Fatul^b, & Ruzian Markom^c

^{abc}Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Malaysia

¹nurkhalidahdahlan@ukm.edu.my

Abstrak

Pembangunan ekonomi masyarakat di Malaysia dapat dilakukan melalui pembasmian kemiskinan. Pada masa kini, pembasmian kemiskinan dilakukan dengan cara menggalakkan golongan miskin untuk memulakan perniagaan supaya dapat berdikari dengan pendapatan sendiri yang tetap. Bagi menyokong usaha ini, pembiayaan kredit mikro kepada golongan miskin yang tidak mempunyai sumber pendanaan bagi memulakan perniagaan telah disediakan oleh institusi-institusi kewangan seperti bank-bank. Selain daripada institusi perbankan, terdapat berbagai-bagai institusi pembiayaan kredit mikro yang telah beroperasi di Malaysia. Dua institusi yang menunjukkan kadar kejayaan yang tinggi dalam membantu masyarakat miskin keluar dari kancas kemiskinan melalui pemberian modal perniagaan ialah Amanah Ikhtiar Malaysia dan juga TEKUN Nasional. Kedua-dua institusi ini dijadikan contoh dan bahan kajian dalam penyediaan artikel ini. Artikel ini menggunakan metodologi kualitatif yang merupakan kaedah penyelidikan doktrin dan perbandingan, ia membandingkan literatur berkaitan undang-undang berkaitan dari segi kes pembiayaan kredit mikro. Ia juga membincangkan peruntukan undang-undang yang berkaitan di Malaysia. Masalah utama yang perlu dibincangkan ialah status kepatuhan Syariah produk pembiayaan kredit mikro yang ditawarkan oleh institusi-institusi ini. Kajian ini adalah penting bagi pengguna terutamanya pelanggan Muslim dari golongan miskin yang memerlukan alternatif berkesan bagi menamatkan kemelut ekonomi mereka. Pelanggan Muslim perlu memastikan pembiayaan kredit mikro di Malaysia adalah patuh Syariah untuk menjaga kesucian harta seperti yang diajar di dalam agama Islam. Oleh itu, kajian ini mempunyai tiga objektif utama yang perlu difokuskan. Setelah status ketidakpatuhan Syariah produk pembiayaan kredit mikro yang ditawarkan dibuktikan, kajian ini beralih kepada objektif kedua iaitu mengemukakan cadangan inovasi untuk menyelesaikan isu ketidakpatuhan Syariah dalam amalan yang sedia ada. Cadangan inovasi ini akan melibatkan pengintegrasian wakaf dalam pembiayaan kredit mikro

Islam agar dapat mengekalkan kesucian agama di samping meraikan manfaat-manfaat ekonomi hasil daripada integrasi ini.

Kata kunci: Kredit Mikro, Wakaf, Kepatuhan Syariah.

Abstract

The economic development of the low-incomed community in Malaysia can be done through poverty alleviation. Nowadays, poverty alleviation is done by encouraging the poor to start businesses so that they can be independent with a steady income. To support this effort, microcredit financing to the poor who do not have the funding to start a business has been provided by financial institutions such as banks. Apart from banking institutions, there are various micro credit financing institutions that have been operating in Malaysia. Two institutions that have shown a high success rate in helping the poor out of poverty through the provision of business capital are Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) and TEKUN Nasional. Both of these institutions are used as examples and research materials in the preparation of this article. This article uses a qualitative methodology which is a doctrinal and comparative research method, it compares the relevant legal literature in terms of microcredit financing cases. It also discusses the relevant legal provisions in Malaysia. The main issue that needs to be discussed is the Shariah-compliant status of the micro credit financing products offered by these institutions. This study is important for consumers' especially Muslim customers from the poor who need effective alternatives to end their economic crisis. Muslim customers need to ensure that micro credit financing currently offered in Malaysia is Shariah compliant to maintain the purity of property as taught in Islam. Therefore, this study has two main objectives that need to be focused on. Once the Shariah non -compliance status of the microcredit financing products offered is proven, this study moves on to the second objective which is to submit innovative proposals to resolve the issue of Shariah non -compliance in existing practices. The proposed innovation will involve the integration of wakaf in Islamic microcredit financing in order to maintain the purity of religion while celebrating the economic benefits resulting from this integration.

Keywords: Micro credit, waqf, Shariah Compliance

PENDAHULUAN

Istilah pembiayaan disebut sebagai al-Qirad di dalam Bahasa Arab (Sharifah Faigah, 2004). Istilah ini merujuk kepada modal yang diberikan oleh pemodal kepada seseorang pengusaha untuk diurusniagakan yang mana keuntungannya akan diberikan kepada pengusaha. Dari segi syarak pula, pembiayaan ialah akad perjanjian urusaniaga antara pemodal dengan pengusaha. Dalam akad ini, pemodal bersetuju untuk mengeluarkan sejumlah wangnya untuk pengusaha bagi membiayai sesuatu perusahaan atau sesuatu perniagaan.

Dalam mendefinisikan kredit mikro, Ascarya dan Yulizar (2003) menyatakan bahawa konsep kredit mikro ialah program pinjaman wang untuk keluarga miskin bagi tujuan

melaksanakan aktiviti yang membuahkan hasil dan pendapatan bagi memenuhi keperluan diri dan keluarga. Pembiayaan kredit mikro ini meliputi pinjaman, simpanan, insurans dan pelbagai produk kewangan untuk masyarakat berpendapatan rendah. Definisi tersebut menjelaskan bahawa golongan yang disasarkan untuk memanfaatkan pembiayaan kredit mikro ialah masyarakat miskin.

Menurut Robinson (2001), Bank Dunia telah mendefinisikan pembiayaan kredit mikro sebagai perkhidmatan kewangan skala kecil untuk kredit. Pembiayaan ini juga merangkumi simpanan yang diberikan kepada sektor pertanian, perikanan serta sektor perusahaan kecil seperti jualan kecil-kecilan dan kitar semula. Bank Negara Malaysia (2008) pula mendefinisikan pembiayaan kredit mikro sebagai pembiayaan untuk perniagaan kecil-kecilan. Di Malaysia, jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah antara RM500 hingga RM50, 000 bagi tujuan membiayai sesebuah perniagaan perusahaan mikro. Pembiayaan kredit mikro ini diberikan untuk tujuan perniagaan sahaja seperti membiayai modal pusingan dan pembelian aset tetap.

Perkembangan di Malaysia

Sebagai titik permulaan, dapat dilihat bahawa kemelut ekonomi merupakan masalah yang meruncing dalam masyarakat khususnya pasca pandemik ini. Kemelut ini sangat dirasakan oleh masyarakat terutamanya apabila peluang pekerjaan semakin berkurangan sehingga ramai yang menjadi penganggur. Selain itu, tidak kurang juga yang mula bekerja sendiri seperti berniaga dari rumah, membuat perusahaan kecil dan lain-lain. Namun, golongan ini juga mengalami kesulitan dalam usaha untuk menstabilkan ekonomi mereka melalui perniagaan disebabkan oleh bayaran faedah terhadap pinjaman yang dibuat untuk mendapatkan modal perniagaan. Perkara ini akan menyebabkan proses pemulihan ekonomi masyarakat semakin sulit (Mustafa Dakian, 2005).

Kebanyakan usahawan di Malaysia menghadapi masalah bagi memulakan perniagaan mereka sendiri kerana kesukaran dalam mendapatkan sumber dana kewangan daripada bank atau institusi kewangan lain. Ketiadaan pelan perniagaan, kekurangan penjamin dan rekod pinjaman yang tidak lengkap bagi menyokong pinjaman mereka telah menyebabkan pihak bank beranggapan bahawa penyediaan kemudahan kredit mikro kepada usahawan kecil mempunyai risiko kegagalan yang tinggi dalam membayar kembali pinjaman (Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof & Zurinah Tahir, 2021). Kesan daripada kemelesetan ekonomi negara kita, Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin (2021) menganggarkan bahawa bilangan isi rumah miskin di Malaysia meningkat kepada 639,800 isi rumah, berbanding 405,400 isi rumah pada 2019 dengan Sabah mencatatkan peratusan tertinggi bagi insiden kemiskinan mutlak iaitu 25.3 peratus. Beliau menjelaskan faktor penurunan tersebut disebabkan isi rumah atau individu yang mengalami kehilangan

atau pengurangan pendapatan, terutamanya mereka yang berstatus pekerja dan bekerja sendiri. Statistik ini menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di Malaysia semakin meningkat walaupun di kalangan mereka yang bekerja.

Maka, perkembangan ekonomi secara aktif adalah instrumen yang paling berkesan kearah merendahkan kadar kemiskinan dan sekaligus meningkatkan taraf hidup rakyat. Maka, salah satu kaedah untuk keluar dari kemelut kemiskinan adalah melalui perniagaan kerana perniagaan boleh diusahakan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan instrumen pembiayaan kredit mikro bagi tujuan memudahkan pemerolehan modal perniagaan.

Menurut Ahmad Faizal Shaarani (2012), pembiayaan melalui sistem kredit mikro telah diperkenalkan sejak tahun 1986 di negara ini. Matlamat utama instrumen ini adalah untuk melaksanakan agenda nasional iaitu membasmi kemiskinan di Malaysia. Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun telah mengambil inisiatif bagi memastikan semua rakyat di negara ini dapat hidup dalam keadaan selesa dan mempunyai pendapatan yang mencukupi bagi mengharungi kehidupan dalam dunia yang penuh mencabar ini. Kaedah pembiayaan ini telah berkembang sebagai satu pendekatan yang berkesan dan terbukti mampu membantu mengatasi masalah kemiskinan dan seterusnya mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat di Malaysia. Pembiayaan kredit mikro kini adalah merupakan antara teras dan fokus kerajaan untuk membela nasib semua golongan rakyat yang memerlukan bantuan agar mereka dapat bersama menyertai arus pembangunan pesat negara.

Sistem perundangan Islam yang berlandaskan Al-Quran dan hadis juga menyokong agenda pembasmian kemiskinan melalui perniagaan. Usaha murni yang berasaskan pemberian modal perniagaan secara kredit mikro ini selari dengan kehendak undang-undang Syariah. Perkara ini dapat dilihat dalam suatu hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

“Seorang lelaki miskin dari kaum Ansar telah datang kepada Nabi SAW memintaminta daripada baginda. Nabi SAW berkata: Apakah barang yang engkau ada di rumah? Lelaki itu berkata: Sehelai selimut yang kami gunakan (untuk tidur dan sebuah kendi yang kami gunakan untuk minum. Nabi SAW berkata: Bawakan semuanya kepadaku. Lalu baginda SAW lelongkan barang-barang tersebut. Hasilnya sebanyak dua Dirham diserahkan kepada lelaki tersebut. Baginda SAW berkata: Gunakan satu dirham untuk keperluan makanan keluargamu, satu dirham lagi untuk membeli kapak dan bawa ia kepadaku. Lelaki tersebut mengikut perintah Nabi SAW dan baginda berkata: keluarlah dan kumpullah kayu api. Jangan bertemuku selepas lima belas hari. Lelaki tersebut menurut perintah nabi dan dia datang semula bersama sepuluh dirham (hasil jualan kayu api). Nabi SAW berkata: Ini lebih baik daripada engkau datang di Hari Kiamat dengan muka bertanda sebagai pengemis. Mengemis itu adalah untuk

mereka yang benar-benar miskin yang terbeban dengan hutang atau beban diyat. (Ibn Majah 2007).”

Daripada hadis ini, dapat diformulasikan suatu strategi dalam usaha membasmi kemiskinan iaitu strategi rangkuman kewangan. Sumber undang-undang primer dalam sistem syariah ini memberi indikasi bahawa pemberian akses pembiayaan kepada semua lapisan masyarakat yang berasal dari latar belakang ekonomi yang berbeza secara terangkum adalah kaedah yang sepatutnya menjadi tunjang dalam program pemberian kredit mikro ini. Takrifan kedua daripada hadis ini ialah perniagaan merupakan pendekatan yang sesuai untuk semua golongan masyarakat dalam usaha untuk keluar dari kategori miskin.

Selain itu, hadis ini juga mengiktiraf konsep pemberian modal sebagai kaedah bantuan yang sepatutnya untuk mengorak langkah pembasmian kemiskinan (Yoshino et. al., 2018). Tuntasnya daripada hadis ini, strategi rangkuman kewangan atau biasa didengari sebagai ‘financial inclusion’ dapat meletakkan semua individu di kelas ekonomi yang sama lantas memberi peluang kepada golongan yang berasal daripada kategori miskin untuk menggunakan kedudukan saksama ini bagi memulakan perniagaan. Pembiayaan ini dilaburkan untuk membantu masyarakat yang dikategorikan sebagai orang kurang mampu dan tidak mempunyai modal. Kajian membuktikan bahawa terdapat kajian yang terdahulu berkenaan pelaksanaan pembiayaan kredit mikro terhadap golongan miskin dan memerlukan di beberapa buah negara dan telah terbukti berjaya mengatasi masalah kekangan kewangan (Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2015).

Perbezaan Pembiayaan Kredit Mikro Islamik dan Konvensional

Perbezaan yang signifikan diantara pembiayaan kredit mikro yang patuh Syariah dan pembiayaan kredit mikro konvensional ialah dari segi sumber kewangan mereka. Pembiayaan kredit mikro yang patuh Syariah memperoleh sumber kewangan daripada zakat, wakaf atau simpanan pelanggan. Pembiayaan kredit mikro konvensional juga mendapat sumber kewangan dari simpanan pelanggan tetapi dari sudut pandang instrumen pembiayaan, didapati bahawa pembiayaan kredit mikro yang patuh Syariah hanya menggunakan instrumen-instrumen muamalat Islam sahaja. Manakala, kaedah konvensional melaksanakan pembiayaan menggunakan konsep pinjaman berasaskan faedah. Apa-apa muamalat yang didasari konsep faedah adalah haram kerana mengandungi unsur riba. Oleh itu, kaedah yang konvensional tidak sesuai digunakan oleh umat Islam (Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Azman Abd Rahman, 2019).

Islam membenarkan umatnya melakukan transaksi kredit mikro yang tidak terlibat dengan riba. Bagi mengelakkan riba, pembiayaan kredit mikro boleh dibuat melalui pelbagai kaedah seperti kontrak murabahah, mudarabah dan banyak lagi. Selain itu,

pembiayaan kredit mikro juga boleh dilakukan dengan cara pengintegrasian zakat. Terdapat segolongan ulama seperti Yusuf al-Qardhawi yang berpendapat bahawa pengintegrasian zakat dan pembiayaan kredit mikro Islam melalui kontrak qard al-hasan adalah dibenarkan oleh agama (Mustafa Ahmad al-Zarqa, 1987). Oleh itu, autoriti ini adalah cukup utuh untuk negara kita mula membuat pengagihan zakat secara kredit mikro sebagai alternatif sumber kewangan baharu dalam memberi pembiayaan kredit mikro kepada masyarakat.

Pembiayaan kredit mikro Islam menekankan nilai muamalat Islam dan kepatuhan Syariah berbanding modus operandi kaedah konvensional yang lebih bersifat sekular. Maka, bagi menampung permasalahan yang timbul, pembiayaan kredit mikro dengan dana zakat ini adalah cadangan alternatif untuk usahawan miskin mendapatkan modal perniagaan. Kajian Nurul Ilyana Muhd Adnan (2015) menunjukkan pelaksanaan pembiayaan kredit mikro di Baitul Mal Aceh berpotensi untuk diamalkan di institusi zakat di Malaysia.

Inisiatif untuk mengintegrasikan pelaksanaan pembiayaan kredit mikro dengan wakaf dilihat antara solusi ideal yang mampu menyantuni permasalahan ini. Ini kerana wakaf dan pembiayaan kredit mikro Islam berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk memperkasakan populasi miskin khususnya masyarakat Muslim. Wakaf secara amnya bermaksud penahanan apa-apa harta milik pewakaf. Harta tersebut ditahan dari pewakaf agar pewakaf tidak berhak membuat sebarang urusan muamalat, pewarisan atau pewasiatan harta itu. Konsep wakaf dibenarkan untuk berbuat kebajikan dengan niat pewakaf untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Seksyen 61 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] menjelaskan bahawa, “walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan yang terkandung dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazar ‘am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syarak.”

Walau bagaimanapun, saranan untuk mengintegrasikan wakaf dan kredit mikro Islam kurang dibincangkan secara mendalam dan sistematik (Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Azman Abd Rahman, 2019). Justeru, hal ini menunjukkan keperluan untuk mengupas tentang pengintegrasian antara wakaf dan pembiayaan kredit mikro Islam. Pemakaian konsep Syariah iaitu pengintegrasian zakat dan wakaf akan mengembalikan pembiayaan kredit mikro kepada amalan yang halal serta dapat menamatkan kemiskinan dengan cara memajukan ekonomi Islam.

Beberapa prospek telah dikenal pasti dalam usaha mengintegrasikan wakaf dan pembiayaan kredit mikro antaranya ialah penambahbaikan dari sudut kepatuhan Syariah, pembasmian kemiskinan lebih efektif dan nilai tambah kepada imej institusi wakaf. Prospek ini perlu disedari agar integrasi ini dapat lebih dipergiatkan. Selain itu, beberapa cabaran turut dikenalpasti dan perlu disantuni sebaiknya antaranya, kefahaman masyarakat yang rendah, keterbatasan tujuan berwakaf, kekurangan kerangka kerja komprehensif dan prosedur harta wakaf yang terbatas (Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Azman Abd Rahman, 2019).

Selain daripada pengintegrasian wakaf, pengintegrasian zakat bersama pembiayaan kredit mikro Islam juga merupakan cadangan penyelesaian yang perlu diberi perhatian untuk diimplementasikan di negara kita. Konsep asas dalam agihan zakat adalah untuk penyucian harta dan membasmi kemiskinan. Maka pendekatan yang boleh dibuat adalah melalui pengagihan zakat produktif. Menurut Yusuf al-Qardawi (1994), antara pendekatan yang sesuai adalah melalui penyediaan modal pusingan daripada dana zakat secara kredit mikro. Hal ini kerana modal pusingan berbentuk kredit mikro daripada dana zakat merupakan bantuan zakat bermatlamat jangka panjang. Modal ini diperuntukkan kepada asnaf yang berminat untuk berniaga tetapi tidak mempunyai modal untuk menjalankan perniagaan. Peruntukan ini diberi dengan kadar yang mencukupi sesuai dengan keadaan ekonomi, masa, tempat dan keperluan asnaf.

Sungguhpun isu pembiayaan kredit mikro yang selari dengan kehendak Islam jarang dikupas secara terperinci dalam akademia kewangan Islam, namun ia merupakan komponen yang penting dan mendasar. Pembiayaan kredit mikro yang patuh Syariah Islam berfungsi sebagai pelengkap sistem kewangan Islam sedia ada sebagai mekanisme untuk melaksanakan sistem kewangan terangkum (financial inclusion). Ini kerana sistem kewangan Islam komersial dilihat lebih bersifat eksklusif di mana produk dan perkhidmatannya lebih tertumpu untuk memaksimumkan keuntungan dengan mensasarkan masyarakat kelas menengah dan kelas atasan. Melalui pembiayaan kredit mikro Islam yang lebih berorientasikan sosial, sistem kewangan Islam dilihat lebih terangkum dengan merangkumkan populasi kelas bawahan sebagai golongan sasaran. Ini sekaligus mampu menyumbang ke arah mengembalikan amalan kewangan Islam ke posisinya yang asal iaitu untuk memberi impak yang lebih berkesan terhadap pembangunan masyarakat (Mohammad, Mustafa Omar & Syahidawati Shahwan, 2013).

Masalah-masalah pada alternatif pembiayaan kredit mikro sedia ada di negara kita menunjukkan suatu keperluan untuk diadakan cadangan inovasi pembiayaan kredit mikro. Cadangan sebegini perlu digariskan bagi memupuk pembangunan ekonomi

Islam. Cadangan-cadangan yang dizahirkan adalah berteraskan pengintegrasian konsep Syariah iaitu wakaf dan zakat ke dalam pembiayaan kredit mikro.

AMALAN PEMBIAYAAN KREDIT MIKRO DI MALAYSIA

Antara institusi mikro kredit terbesar di Malaysia ialah Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Nasional atau TEKUN Nasional. TEKUN Nasional merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Ia ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan pembiayaan secara mudah dan cepat kepada bumiputera untuk memulakan atau memajukan lagi perniagaan mereka. Selain bumiputera, TEKUN juga menawarkan skim pinjaman kepada kaum India bagi membantu mereka menjalankan perniagaan secara lebih berkesan. Di samping itu, pihak TEKUN juga menyediakan khidmat bantuan dan sokongan dari sudut kursus dan peluang-peluang perniagaan bagi meningkatkan lagi kualiti perniagaan yang dijalankan. Buat masa ini, meskipun TEKUN menawarkan pelbagai produk dan skim, kesemuanya masih berasaskan kepada prinsip qard. Oleh kerana majoriti usahawan TEKUN adalah dari kalangan kaum Melayu Islam, pelaksanaan pinjaman TEKUN perlu dinilai dari sudut syarak bagi memastikan pematuhan terhadap hukum syarak. (Ahmad Zabani Morad, 2014)

Ciri Penting Pelaksanaan TEKUN Nasional

Tempoh bayaran balik pinjaman adalah antara 6 bulan hingga 10 tahun. Peminjam wajib datang membuat bayaran balik pinjaman di Pejabat TEKUN Kawasan atau menerusi BSN, Maybank, Bank Rakyat, Agrobank dan Pos Malaysia atau menerusi Cek Tertunda Tarikh. Usahawan diminta membayar Sumbangan Tabung Pengurusan TEKUN sebanyak 4% daripada nilai pinjaman setiap tahun sepanjang tempoh pinjaman. Bayaran sumbangan ini hendaklah dibuat bersama dengan bayaran balik pinjaman. Usahawan diminta untuk membuat simpanan sebanyak 5% daripada nilai pinjaman setiap tahun. Simpanan ini hendaklah dibuat bersama dengan bayaran balik pinjaman. Usahawan TEKUN akan mendapat perlindungan di bawah Insuran Pinjaman dan Insuran Hayat & Kemalangan (peminjam) yang ditetapkan oleh TEKUN Nasional dalam tempoh pinjaman.

Cadangan Pengintegrasian Wakaf dan Pembiayaan Kredit Mikro Islam

Di dalam agama Islam sendiri, agama ini turut memberi perhatian kepada inisiatif-inisiatif yang boleh diambil dalam usaha memperkasakan populasi miskin. Amalan pembiayaan kredit mikro Islam dapat digunakan sebagai cara untuk menyelesaikan masalah pemilikan modal perniagaan. Penting untuk ditekankan bahawa amalan ini bertindak sebagai mekanisme untuk melaksanakan sistem kewangan terangkum sebagaimana yang dilihat daripada hadis riwayat Anas bin Malik tersebut. Rangkuman kewangan adalah strategi yang besar kemaslahatannya kepada kewangan negara. Malah Akta Bank Negara 2009 sendiri (Muhammad Hisyam

Mohamad, 2018) telah memasukkan rangkuman kewangan sebagai intipati akta. Sistem kewangan terangkum adalah dasar yang penting untuk diamalkan kerana ianya adalah alat untuk membuka peluang ekonomi yang sama rata kepada semua lapisan ahli masyarakat.

Jika amalan pembiayaan kredit mikro Islam dilaksanakan dengan mengetengahkan kepentingan sosial, hal ini akan menjadikan sistem kewangan Islam menjadi lebih terangkum sesuai dengan strategi rangkuman kewangan. Sistem kewangan Islam kelihatan lebih terangkum kerana amalan pembiayaan kredit mikro Islam ini akan merangkumkan populasi kelas bawahan sebagai golongan sasaran. Kesannya, strategi ini mampu menyumbang ke arah usaha untuk mengembalikan amalan kewangan ke posisinya yang asal iaitu untuk memberi impak yang lebih berkesan terhadap pembangunan masyarakat berbanding memfokuskan akses rangkuman kewangan hanya kepada golongan yang berada di atas piramid ekonomi (Nurul Afidah Mohd Yusof, 2022).

Menurut Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Azman Abd Rahman (2019), amalan pembiayaan kredit mikro Islam melibatkan aktiviti-aktiviti lapangan seperti pelaksanaan bancian, pengenalpastian golongan miskin. Malah, lawatan secara berkala juga perlu diadakan bersama mereka sama ada mereka tinggal di kawasan yang mudah dilawati mahupun tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman. Aktiviti lapangan seperti ini adalah perlu bagi tujuan mengenal pasti keperluan yang mesti ditambah baik oleh institusi pembiayaan kredit mikro Islam.

Cara untuk menangani masalah pemilikan modal perniagaan yang sesuai dengan kemampuan masyarakat dapat diselesaikan dengan cara pemilikan modal menerusi pembiayaan kredit mikro Islam. Pembiayaan kredit mikro Islam boleh dilaksanakan dengan cara mengintegrasikan dana wakaf dalam operasi pembiayaan mikro Islam. Dana daripada institusi wakaf dapat digunakan sebagai sumber dana untuk melaksanakan pembiayaan kredit mikro kepada golongan yang memerlukan (Muhammad Hisyam Mohamad, 2018). Seterusnya, dana daripada institusi wakaf boleh digunakan bagi tujuan menyerap kos operasi yang tidak dapat ditanggung oleh institusi pembiayaan kredit mikro Islam. Kemaslahatan utama daripada pengintegrasian ini ialah ianya mampu mengurangkan kadar caj ke atas produk pembiayaan di samping menarik lebih ramai populasi miskin untuk menggunakan peluang ini. Maka, hubungan di antara dana wakaf dan pembiayaan kredit mikro Islam perlu diperhalusi bagi memahami struktur pengintegrasian ini dengan lebih dalam (Mohd Aslam Haneef et. al., 2021).

Syiyad Faisal (2010) membahagikan tujuan wakaf kepada dua bahagian iaitu tujuan keagamaan dan tujuan kemanusiaan. Tujuan kemanusiaan ini bermaksud bahawa wakaf digunakan bagi tujuan menyumbang kepada kemaslahatan manusia. Contohnya adalah dengan cara menggunakan wakaf bagi membantu golongan yang memerlukan dari segi kewangan. Jelaslah di sini penggunaan wakaf untuk pembangunan ekonomi adalah amat disarankan dan boleh dilakukan melalui pengintegrasian wakaf dan pembiayaan kredit mikro Islam. Wakaf juga turut giat dipromosi dan digunakan bagi tujuan pembangunan sosial khususnya bagi memenuhi keperluan harian populasi miskin disamping turut digunakan sebagai modal perniagaan dan pelaburan. Harta wakaf telah mula digunakan sebagai mekanisme dalam pembasmian kemiskinan yang berkesan sejak sekitar abad ke-19 lagi (Mohamad Sadeq Abulhasan, 2002).

Selain daripada itu terdapat pula amalan wakaf kontemporari berpaksikan kepada amalan wakaf tunai yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Razali (2013) berpendapat wakaf tunai mempunyai nilai kecairan yang tinggi dan mudah diuruskan. Wakaf tunai adalah amalan berwakaf wakaf yang menggunakan wang tunai. Wakaf tunai dikumpulkan dalam sebuah tabung amanah yang ditadbir oleh seseorang yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini bagi tujuan kebajikan dan untuk memberi faedah kepada orang ramai. Secara ringkasnya, wakaf tunai ialah sumbangan wang kepada berbagai jenis saluran yang inovatif untuk kemaslahatan sejagat seperti penggunaan dana wakaf untuk pembiayaan kredit mikro Islam (Mohd Razali Mohd Don, 2019).

Wakaf dan pembiayaan kredit mikro Islam merupakan dua perkara yang berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk membangunkan masyarakat yang sejahtera terutamanya dari segi ekonomi. Salah satu cara untuk membantu umat Islam meningkatkan taraf ekonomi mereka adalah dengan memberi tumpuan kepada masalah kemiskinan dan kesannya kepada masyarakat. Institusi-institusi pembiayaan kredit mikro Islam mempunyai banyak pengalaman menangani kemiskinan dan meningkatkan ekonomi masyarakat yang terpinggir (Isma Addi Jumbri & Mohamad Zahir Zainudin, 2011).

Berdasarkan Laporan Tahunan Kumpulan Waqf An-Nur Berhad (2007), dalam konteks peranan wakaf sebagai pemangkin kegiatan ekonomi umat ini, dapat dilihat kejayaan Johor Corporation (JCorp) yang telah menubuhkan Kumpulan Waqf An-Nur Berhad (KWANB) yang bertindak mengurus aset dan saham-saham syarikat dalam Johor Corporation yang diwakafkan kepada KWANB. Hal ini membuktikan bahawa pengintegrasian wakaf dan pembiayaan kredit mikro adalah langkah strategik yang mampu dijayakan.

Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad (KWANB) telah menubuhkan sebuah dana yang dinamakan Dana Waqaf Niaga. Dana ini dibangunkan bertujuan untuk menolong para peniaga kecil dan sederhana yang menghadapi masalah dari segi pemilikan modal perniagaan yang baru hendak dimulakan mahupun yang perlu dikembangkan. Dana Waqaf Niaga ini adalah saluran bantuan kewangan tanpa faedah melalui pembiayaan kredit mikro kepada para peniaga. Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad (KWANB) telah memperuntukkan dana berjumlah RM100,000 untuk program ini dan seramai 21 orang peniaga telah mendapat manfaat daripada Dana Waqaf Niaga (Laporan Tahunan Kumpulan Waqf An-Nur Berhad, 2007).

Namun begitu, amalan pembiayaan kredit mikro Islam ini kerap mengalami masalah untuk dioperasikan terutamanya disebabkan oleh kekangan berupa kekurangan dana. Hal ini kerana, amalan pembiayaan ini melibatkan aktiviti-aktiviti lapangan secara langsung bersama populasi miskin yang selalunya menduduki kawasan pendalaman dan luar bandar. Aktiviti ini termasuk perjumpaan mingguan, banciaan, kawal selia perusahaan mikro dan penganjuran program sokongan keusahawanan yang memerlukan dana yang kukuh.

Dalam masa yang sama, institusi wakaf pula mempunyai kelebihan dari aspek dana dan aset. Seperti yang telah diterangkan bahawa wujud lambakan aset wakaf yang mana ianya berpotensi besar untuk tujuan pembangunan sosial khususnya untuk membasmi kemiskinan. Namun, harta-harta wakaf ini tidak diuruskan secara produktif dan tidak mengetengahkan matlamat pembangunan sosial yang efektif. Isu ini mungkin berpunca daripada kurangnya kepakaran, strategi dan kemahiran dalam kalangan institusi wakaf. Di sinilah wujudnya jurang antara pembiayaan mikro Islam dan instrumen wakaf.

Dalam erti kata lain, kewangan mikro Islam kukuh dalam kepakaran pembangunan sosial tetapi lemah dalam pendanaan manakala institusi wakaf pula adalah sebaliknya. Dari aspek pelaksanaan pula, amat sedikit institusi yang menawarkan pembiayaan kredit mikro Islam yang diintegrasikan dengan dana wakaf. Hal ini berlaku mungkin kerana kurangnya kesedaran terhadap prospek dan potensi yang ada pada usaha pengintegrasian ini. Urusan perwakafan ini telah ditentukan dari segi pengurusan dan pentadbirannya dalam undang-undang negara. Oleh yang demikian, institusi wakaf di Malaysia telah diletakkan di bawah bidang kuasa negeri berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

Berhubung dengan peruntukan di atas, Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan mengenai “kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam Jadual Kesembilan tersebut. Bagi Wilayah-wilayah

Persekutuan, badan yang diberi kuasa untuk membuat undang-undang bagi perkara-perkara berkenaan ialah Parlimen. Sungguh pun demikian, sehingga kini hanya empat buah negeri, iaitu Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, dan Perak sahaja yang mempunyai perundangan khusus berkaitan wakaf.”

Pada masa yang sama, Majlis Agama Islam Negeri merupakan pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf di Malaysia. Ini bermaksud, walaupun Majlis Agama Islam Negeri merupakan satu badan yang tertinggi dan berkuasa membuat peraturan dan dasar tentang perjalanan, pertadbiran dan pelaksanaan dalam hal yang berkaitan dengan agama, tetapi bidang kuasanya adalah terhad dan terikat oleh kuasa kerajaan negeri serta kerajaan pusat (Hasyeilla Abdul Muthalib et. al., 2015). Autoriti ini adalah merujuk kepada peruntukan undang-undang iaitu Seksyen 61 (Akta 505) bagi Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993:

“Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas, semua nazr am, dan semua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak.”

Oleh itu, tindakan mengurus dan melaksanakan wakaf tanpa kebenaran Majlis Agama Islam Negeri merupakan satu kesalahan dari sisi undang-undang. Enakmen Wakaf negeri Terengganu dan Perak pula memperuntukkan: “Mana-mana orang yang mentadbir atau mengurus wakaf am atau wakaf khas tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

Namun, begitu, peruntukan ini dibahaskan kerana kuasa Majlis sebagai pemegang amanah tunggal dibimbangi menjadi faktor wakaf kurang digiatkan untuk pembangunan ekonomi di negara kita (Tunku Alina Alias dan Murat Cizakca, 2016). Tunku Alina Alias dan Murat Cizakca (2016) mencadangkan agar pendekatan lain diambil iaitu dengan membenarkan harta wakaf diuruskan oleh stau institusi bebas yang dilantik sendiri oleh pewakaf. Hal ini demikian kerana kaedah ini lebih sesuai dengan prinsip Syariah Islam sendiri. Sungguhpun wujud beberapa cabaran, perlu diakui bahawa perkembangan terkini menyaksikan wujud peningkatan bagi kolaborasi antara Majlis Agama Islam Negeri dan institusi lain ke arah pemerkasaan pembangunan harta wakaf. Salah satu institusi yang berkolaborasi dengan Majlis Agama Islam Negeri untuk menggiatkan penggunaan dana wakaf ialah Yayasan Wakaf Malaysia.

Yayasan Wakaf Malaysia merupakan entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 melalui Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Wakaf Malaysia terdiri daripada wakil setiap Majlis Agama Islam Negeri, wakil Kerajaan Persekutuan dan tokoh korporat. Yayasan Wakaf Malaysia berperanan menggembleng sumber-sumber wakaf dan menjadi pelengkap kepada usaha Majlis Agama Islam Negeri dalam membangunkan harta tanah wakaf di Malaysia (Yayasan Wakaf Malaysia, 2013). Fungsi utama Yayasan Wakaf Malaysia adalah Mengumpul dan menjana dana wakaf dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri.

Memandangkan golongan sasaran dalam amalan pembiayaan kredit mikro Islam kerap kali dipersoalkan akibat daripada kurangnya pengetahuan mereka tentang pengurusan dan perniagaan, maka pemberian akses pembiayaan kepada populasi miskin boleh mendatangkan risiko yang tinggi. Maka, perlu ditekankan bahawa ilmu pengetahuan adalah perkara utama bagi memastikan kelangsungan perusahaan mikro yang dijalankan. Namun begitu, pelaksanaan sedia ada menunjukkan program atau kursus yang diberikan kepada para pelanggan adalah tidak bersifat menyeluruh disebabkan oleh keterbatasan sumber dana.

Dalam amalan pembiayaan kredit mikro Islam, strategi pembasmian kemiskinan perlulah dilaksanakan seiring dengan mmeberi galakan kepada para peminjam untuk berkecimpung dalam perniagaan secara bijak. Modal perniagaan akan diberikan kepada mereka dan seterusnya mereka dilatih untuk menguruskan modal tersebut secara produktif. Justeru, semakin banyak modal yang dapat disalurkan kepada peniaga golongan miskin, semakin luas rangkuman dan capaian (outreach) program pembiayaan mikro Islam dan semakin berkesan usaha pembasmian kemiskinan dapat dijalankan. yang lebih berkesan. Akibat dari kekangan sumber dana, capaian penawaran produk dan perkhidmatan perlu dibataskan kepada golongan miskin sederhana atas alasan kelompok ini mempunyai risiko kemungkiran yang lebih rendah berbanding miskin tegar. Dana wakaf, khususnya daripada wakaf tunai, dapat digunakan untuk penawaran skim pembiayaan mikro Islam kepada lebih ramai golongan miskin bagi tujuan modal perniagaan (Muhammad Hisyam Mohamad, 2018).

Usaha untuk membangunkan kerangka kerja atau model adalah mustahak supaya buah fikiran dan cadangan dalam bentuk teoritikal dapat diterjemahkan kepada perlaksanaan. Sungguhpun begitu, agak sukar untuk mencari rangka kerja yang praktikal dan terperinci yang konsisten dengan konteks pelaksanaan Wakaf di Malaysia. Ini kerana aplikasi di Malaysia mempunyai prosedurnya yang tersendiri yang tertakluk kepada perundangan setiap negeri. Pelaksanaan integrasi wakaf dan

pembiayaan mikro Islam di Pakistan, India dan Afrika Utara adalah antara pilihan yang baik yang boleh dijadikan panduan dalam perangkaan rangka kerja di Malaysia.

Menerusi pengintegrasian dana wakaf dan pembiayaan kredit mikro Islam ini, dapatlah ahli masyarakat terutamanya pewakaf sendiri melihat cara-cara institusi pembiayaan kredit mikro Islam menguruskan dana wakaf sehingga mampu memperkasakan kesejahteraan sosial. Konsep pembiayaan kredit mikro Islam telah dibuktikan mampu untuk mengurangkan kemiskinan. Kesannya, keyakinan pewakaf akan meningkat dan lantasi amalan berwakaf akan menjadi lebih diketahui umum.

Amalan Pembiayaan Kredit Mikro Yang Patuh Syariah

Pembiayaan kredit mikro yang diamalkan khususnya di negara Malaysia selama ini dilakukan secara konvensional melalui pelbagai institusi. Penting untuk kita berusaha beralih kepada amalan pembiayaan kredit mikro yang patuh Syariah untuk kemaslahatan para peminjam yang rata-ratanya beragama Islam. Di Malaysia, pembiayaan kredit mikro diberikan melalui institusi-institusi perbankan. Namun, bagi golongan yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh bank, mereka boleh mendapatkan pembiayaan ini daripada institusi bukan perbankan contohnya seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional.

Akta Amanah (Pemerbadanan) 1952 (pindaan 1981) (Akta 258) menguatkuasakan pertubuhan dan pendaftaran Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sebagai badan amanah persendirian. Maka, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di dalam akta tersebut. Namun begitu, pembiayaan kredit mikro Islam yang ditawarkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) adalah diragui kepatuhan Syariahnya. Secara tuntasnya, piawaian oleh Organisasi Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) pada tahun 2010 telah menyatakan bahawa “adalah dibolehkan bagi sesebuah institusi yang menawarkan pemberian pinjaman untuk mengambil upah di atas pinjaman perkhidmatan yang ditawarkan dengan suatu jumlah yang bersamaan perbelanjaan langsung yang sebenar, dan dilarang mengambil tambahan daripada jumlah tersebut kerana setiap penambahan ke atas perbelanjaan sebenar adalah suatu kelakuan yang diharamkan”. Penambahan nilai yang dinyatakan adalah suatu amalan riba lantasi menjustifikasikan ketidakpatuhan Syariah dalam pembiayaan kredit mikro yang dijalankan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Manakala, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional juga diragui status kepatuhan Syariahnya dalam menawarkan produk pembiayaan kredit mikro. Tidak dapat dinafikan bahawa Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga

(TEKUN) Nasional dilihat mempunyai ciri-ciri perantara kewangan yang menguruskan aliran wang daripada kerajaan kepada rakyat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Asan Ali Golam Hasan, 1998). Menurut Seksyen 222 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, “Bagi maksud Penggal ini, “aktiviti pengantaraan kewangan Islam” termasuklah— (a) penyetujuteraan deposit Islam atau wang di bawah akaun pelaburan; (b) pemberian apa-apa pendahuluan, pembiayaan atau kemudahan lain dalam apa jua bentuk atau tidak kira dengan apa jua namanya disebut mengikut Syariah;”

Dapat dilihat daripada peruntukan di atas bahawa amalan pembiayaan kredit mikro adalah salah satu aktiviti pengantaraan kewangan Islam seperti di dalam Seksyen 222 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Namun begitu, amalan pembiayaan kredit mikro Islam yang diamalkan oleh TEKUN adalah tidak bertepatan dengan prinsip syariah iaitu prinsip qard disebabkan oleh kegagalan untuk membuktikan bahawa caj sebanyak 4% yang diambil daripada jumlah amaun pinjaman ke atas peminjam adalah kos sebenar (Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani dan Lokmanulhakim Hussain, 2015).

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa terdapat keperluan untuk merangka struktur amalan pembiayaan kredit mikro Islam. Perkara ini dapat dilakukan dengan cara mengintegrasikan wakaf dan juga zakat dengan pembiayaan kredit mikro Islam itu sendiri. Namun begitu, pengintegrasian sedemikian sukar untuk dilakukan disebabkan oleh kelemahan dari segi prospek pengintegrasian. Bagi melaksanakan pengintegrasian ini, tadbir urus Syariah perlulah ditambah baik dengan cara menubuhkan Majlis Penasihat Syariah (MPS) untuk mengawal selia penggunaan zakat dan wakaf dalam pembiayaan kredit mikro Islam.

Tadbir urus Syariah adalah elemen yang sangat imperatif dan perlu dititikberatkan untuk memastikan amalan pembiayaan kredit mikro Islam yang cuba untuk dinormalisasikan kekal segar dengan prinsip Syariah. Nimrah Karim et. al. (2008) melalui kajian mereka mengulas bahawa majoriti daripada populasi miskin tidak mahu mendapatkan modal perniagaan melalui pembiayaan kredit mikro disebabkan oleh kepatuhan Syariah yang tidak jelas dalam amalan pembiayaan kredit mikro yang sedia ada. Jelas di sini bahawa pemantapan tadbir urus Syariah perlu dirangka dan digubal supaya masyarakat yang berada dalam kategori miskin lebih yakin untuk menggunakan peluang ini bagi menaiktaraf status ekonomi mereka. Sehingga kini, institusi-institusi pembiayaan kredit mikro rata-ratanya tidak mempunyai tadbir urus Syariah yang baik untuk mengawal selia operasi yang diamalkan. Oleh yang demikian, industri pembiayaan kredit mikro Islam adalah sektor kewangan Islam yang perlu fokus untuk menambahbaik tadbir urus Syariah dengan berkesan.

Menurut Aznan Hasan (2007), institusi pembiayaan kredit mikro Islam yang tidak menubuhkan Majlis Penasihat Syariah (MPS) sendiri akan menyebabkan masyarakat memandang serong terhadap produk yang ditawarkan. Hal ini kerana, sukar untuk sesuatu institusi itu menegakkan bahawa produk yang ditawarkan adalah diyakini patuh Syariah tanpa dikawal selia oleh tadbir urus Syariah yang sepatutnya. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa institusi-institusi pembiayaan kredit mikro Islam akan mengalami kesukaran untuk menubuhkan unit tadbir urus Syariah sendiri akibat daripada masalah kekurangan dana bagi menampung perbelanjaan yang diperlukan dalam penubuhan Majlis Penasihat Syariah (MPS). Penubuhan Majlis Penasihat Syariah (MPS) memerlukan kos yang tinggi dari segi penggajian ahli majlis. Ahli penasihat Syariah yang selalunya terdiri dari pakar rujuk dan golongan profesional perlu dibayar dengan kadar yang setimpal dengan kelayakan mereka.

Masalah tersebut dapat ditangani oleh pengintegrasian wakaf bersama pembiayaan kredit mikro Islam sendiri. Pertama, isu ini dapat diatasi dengan cara menyuntik dana wakaf bagi membenarkan institusi pembiayaan kredit mikro Islam menggunakan dana tersebut sebagai sumber penggajian pihak berkaitan serta dana bagi menubuhkan Majlis Penasihat Syariah itu sendiri. Seterusnya, wakaf perkhidmatan boleh digunapakai bagi memantau aspek pematuhan Syariah dalam amalan pembiayaan kredit mikro. Di samping itu, wakaf perkhidmatan juga dapat dimanfaatkan bagi mendapatkan perkhidmatan dan kepakaran daripada golongan pakar bidang kewangan Islam. Melalui kaedah-kaedah ini, aspek tadbir urus Syariah dapat dilakukan dengan lebih terurus dan di samping mencambahkan keyakinan masyarakat terhadap keupayaan dan ketelusan operasi institusi pembiayaan mikro Islam (Nor Aishah Ismail et. al., 2015).

Rangka kerja tadbir urus Syariah berfungsi sebagai peraturan organisasi dalam sesebuah institusi kewangan Islam bagi mengekalkan aspek pengawasan Syariah yang ketat. Oleh yang demikian, Seksyen 30 (1) Akta Undang-Undang Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Seksyen 124 (3) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, dan Bahagian VII Akta Bank Negara 2009 telah memperuntukkan agar setiap institusi yang menjalankan sistem kewangan Islam dan syarikat-syarikat takaful, untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Syariah. Merujuk kepada Seksyen 51 Akta Bank Negara 2009, “Majlis Penasihat Syariah merupakan pihak berkuasa bagi menentukan hukum Syarak bagi maksud perniagaan kewangan Islam”. Selain itu, Majlis Penasihat Syariah juga didefinisikan oleh Hammad (2006) sebagai Jawatankuasa yang menjaga dan memastikan aktiviti kewangan secara keseluruhannya agar berjalan berdasarkan asas-asas Syariah, sama ada dalam bidang muamalat, perkhidmatan yang ditawarkan untuk mendapatkan keuntungan dan pelaburan terbaik.

Seterusnya, Mohamed Akram (2012) juga turut memberikan definisi yang lebih terperinci tentang Majlis Penasihat Syariah. Majlis Penasihat Syariah didefinisikan sebagai sebuah badan bebas yang dibarisi oleh para ilmuwan yang pakar dan arif tentang ilmu dalam fiqh muamalat. Selain itu, Majlis Penasihat Syariah juga diamanahkan untuk mengawasi, menyelia dan memantau aktiviti-aktiviti institusi kewangan Islam untuk memastikan pematuhan peruntukan dan prinsip undang-undang Syariah. Keputusan dan pendapat yang dikeluarkan oleh majlis juga adalah mengikut keperluan institusi.

Dalam kes *Mohd Alias Bin Ibrahim v RHB Bank Bhd & Anor* [2011] 3 MLJ, hakim telah memutuskan bahawa “Majlis Penasihat Syariah di Bank Negara berperanan bagi memastikan hukum syarak dan bukannya menentukan. Oleh itu, pemberian kuasa statutori kepada Majlis Penasihat Syariah di bawah Seksyen 52 Akta Bank Negara 2009 adalah tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa undang-undang yang diluluskan tetapi tidak selari atau selaras dengan perlembagaan adalah tidak sah.”

Intipati daripada kes ini ialah mahkamah membuat penyeragaman antara syarak dan perundangan sivil. Berdasarkan kes ini, didapati bahawa sekiranya keputusan daripada Majlis Penasihat Syariah itu berlawanan dengan kehendak Perlembagaan, maka keputusan daripada Majlis Penasihat Syariah itu perlu ditolak. Majlis Penasihat Syariah hanya dirujuk bagi hal-hal pengesahan penggunaan sesuatu hukum dalam amalan pembiayaan kredit mikro Islam yang dilaksanakan. Namun begitu, Mahkamah akan membuat keputusan dengan menggunakan hukum yang telah dipastikan oleh Majlis Penasihat Syariah ke atas fakta sesuatu kes tersebut. Hal ini adalah penting untuk dibezakan bagi mengelakkan pertindanan bidang kuasa.

KESIMPULAN

Pembiayaan mikro Islam dan wakaf merupakan elemen-elemen dalam sistem kewangan dan kehartaan Islam yang berpegang pada objektif yang serupa iaitu untuk memperkasakan kesejahteraan sosial khususnya di kalangan populasi kurang bernasib baik serta memerlukan dari sudut ekonomi. Kepakaran institusi pembiayaan kredit mikro Islam dalam memperkasakan kedudukan ekonomi masyarakat dengan cara memberi modal perniagaan tidak boleh dimajukan tanpa sumber dana yang baik. Pengintegrasian pembiayaan ini dengan zakat dan wakaf yang mempunyai kelebihan dari segi lain seperti pendanaan dapat memperkukuhkan lagi struktur amalan pembiayaan kredit mikro Islam yang sedia ada.

Justeru, inisiatif mengintegrasikan wakaf dengan pembiayaan kredit mikro Islam dapat melengkapi keperluan satu sama lain demi menstrukturkan amalan pembiayaan kredit mikro Islam yang lebih efisien. Secara kesimpulannya, tadbir

urus syariah dalam satu-satu institusi kewangan Islam ini adalah tunjang yang membezakan operasi pembiayaan kredit mikro yang Islamik dengan amalan pembiayaan kredit mikro yang konvensional. Tadbir urus Syariah ini merangkumi kerangka kerja, polisi dan manual operasi serta pelaksanaan kepada tuntutan rangka kerja serta polisi-polisi tersebut. Kesan utama pelaksanaan tadbir urus Syariah dalam amalan pembiayaan kredit mikro Islam ialah seluruh operasi perniagaan dapat dipastikan kepatuhannya terhadap prinsip Syariah.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Pihak CRIM, UKM dan Fakulti Undang-undang yang memberikan dana penyelidikan Geran Kompetitif Fakulti Undang-Undang (FUU) dengan kod projek: UU-2021-010.

RUJUKAN

Abdul Mughni. (2011). “*Keuangan Mikro Islam Upaya Dalam Pengentasan Masalah Sosial*”, www.tazkia.ac.id. [11 Februari 2022]

Ahmad Faizal Shaarani. (2012). “*Pembiayaan Mikro Mentransformasi Mentransformasi Ekonomi Rakyat Ekonomi Rakyat*.” Dimensi KOOP, November 5, 2012. <https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-39/39-10.pdf>. [15 Oktober 2021]

Ahmad Zabani Morad. {2014}. *Usahawan Berjaya dan Peranan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) di Negeri Kedah*. PROSIDING PERKEM ke-9 (2014) 459 – 466. ISSN: 2231-962X

Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Akta Bank Negara 2009

Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan 1993 (Akta 505)

Amanah Ikhtiar Malaysia. (2022). <https://www.aim.gov.my> [11 Jun 2022]

Anon. Akibat pandemik, 20 peratus M40 beralih kepada B40 - Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin. Bernama, 6 Ogos 2021. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/739330/akibat-pandemik-20-peratus-m40-beralih-kepada-b40-ketua-perangkawan> [15 Oktober 2021]

Ascarya dan Yulizar. (2003). “*Redefine Micro, small and medium Enterprises*”, JEL Classification: L11, L25, O17. www.yearofmicrocredit.org [13 Jun 2022].

Aznan Hasan. (2007). “*Optimal Shariah Governance in Islamic Finance.*” *Islamic Finance News* 4(14): 7.

Cole, Shawn A., Thomas Sampson, and Bilal Zia. (2009). “*Financial Literacy, Financial Decisions, and the Demand for Financial Services: Evidence from India and Indonesia.*” Harvard Business School Working Paper, No. 09-117, February.

Hadis Riwayat Anas bin Malik (Ibn Majah 2007)

Hamdino Hamdan, Fadzim Othman dan Wan Sabri Wan Hussin. (2012). *Is microfinance program in Malaysia really effective in helping the poor?* *World Review of Business Research*, 2 (1). pp. 79-97. ISSN 1838-3955. [3 Februari 2022].

Hudon, M. and Sandberg, J., (2011). *Towards a theory of fair interest rates on microcredit.* Centre Emile Bernheim, Solvay Business School, CEB Working Paper, 11, p.019.

Hussein Abdullah Thaidi & Muhamad Firdaus Azman Abd Rahman. (2019). *Integrasi Wakaf dan Pembiayaan Mikro Islam: Prospek dan Cabaran: Integration of Waqf and Islamic Microfinance: Prospects and Challenges.* *Journal of Fatwa Management and Research*. 70-89. 10.33102/jfatwa.vol16no2.6. [14 Jun 2022]

Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan

Laporan Tahunan Kumpulan Waqf An-Nur Berhad. (2007). *Kumpulan Waqf An-Nur Berhad.*

Mohamad Sadeq AbulHasan. (2002). “*Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation.*” *International Journal of Social Economics* 29(1/2): 135–51. Saifuddin, Farhah et al. 2014. “*The Role of Cash Waqf in Poverty Alleviation : Case of Malaysia.*” *Kuala Lumpur International Business, Economics and Law Conference 4 (KLIBEL4) 1(June): 272–89.* [21 Mei 2022].

Mohamad Zaim Ismail, Mohd Farhan Md Ariffin dan Mohd Anuar Ramli. (2016). *Instrumen Ijtihad Dan Aplikasinya Dalam Isu Zakat.* In Razali Md Jani, Muhsin Nor Paizin, Luqman Haji Abdullah & Muhammad Ikhlas Rosele. *Menelusuri Isu-Isu*

Kontemporari Zakat, hlm. 33-46. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ). [14 Jun 2022]

Mohamed Akram. (2012). Daur al-Raqabat al-Shar’iyyah fi Dabti Amal al-Masarif al-Islamiyyah. Available at <http://www.isra.my/media-centre/downloads/finish/6-corporate-governance/199-the-role-of-shariah->. [12 Jun 2022].

Mohammad, Mustafa Omar, and Syahidawati Shahwan. (2013). “*The Objective of Islamic Economic and Islamic Banking in Light of Maqasid Al-Shariah: A Critical Review.*” Middle-East Journal of Scientific Research 13: .84–75. [10 April 2022]

Mohd Alias Bin Ibrahim v RHB Bank Bhd & Anor [2011] 3 MLJ

Mohd Aslam Haneef, Mohammed Obaidullah dan Nasim Shah Shirazi. (2021). “*Integration of Waqf and Islamic Microfinance for Poverty Reduction: A Survey in Kuala Selangor, Malaysia.*” Academia.edu, December 2, 2021. https://www.academia.edu/62904305/Integration_of_Waqf_and_Islamic_Microfinance_for_Poverty_Reduction_A_Survey_in_Kuala_Selangor_Malaysia. [24 Disember 2021].

Muhammad Adib Che Roselam dan Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2019). *Agihan Zakat Dalam Bentuk Pembiayaan Mikro Untuk Usahawan Asnaf di Baitul Mal MAIWP: Satu Dimensi Baru*. Vol.9. [11 Januari 2022].

Muhammad Hisyam Mohamad. (2018). *Rangkuman Kewangan: Perspektif Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2018.

Muhamamd Zulhafizi Mohd Yusof & Zurinah Tahir. (2021). *Faktor Kejayaan Usahawan Muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia*. Jurnal Wacana Sarjana. Volume 5(1) January 2021: 1-13; e-ISSN 2600-9501.

Mustafa Dakian. (2005). *Sistem Kewangan Islam, Instrumen, Mekanisme dan Pelaksanaanya di Malaysia*, Cat I, Kuala Lumpur; Prin-Ad Sdn. Bhd. h. 25.[3 Jun 2022]

Mustafa al-Zarqa’. (1987). *Majallah majma’ al-fiqh al-islami*. Jeddah: Majma’ Al-Fiqh Al-Islami.

Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani & Lokmanulhakim Hussain. (2015). *Analisis Prinsip Qard dalam Pinjaman Tekun*. Isu Syariah & Undang-undang Siri 21. Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia.[14 Disember 2021].

Nor Aishah Ismail, Azila Abdul Razak dan Fidlizan Muhammad. (2015). “*Amalan Wakaf Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Kota Bharu Kelantan.*” *Labuan e-Journal of Muamalat and Society* 9: 14–25.

Norhaziah Nawai & Mohamed Sharif Bashir. (2009). *Evaluation of Micro Credit Program for Poverty Alleviation: A case of Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)*. The 8th INDONESIA REGIONAL SCIENCE ASSOCIATION (IRSA) International Conference. Pp 1-10.

Nurul Afidah Mohd Yusof. (2022). “*Rangkuman Kewangan Menerusi FinTech.*” *Dewan Ekonomi* (blog), March 22, 2022. <https://dewanekonomi.jendeladbp.my/2022/03/22/rangkuman-kewangan-menerusi-fintech/>. [4 September 2021].

Nurul Ilyana Muhd Adnan, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Zahri Hamat, Hafizuddin Muhd Adnan, Izwah Muhd Adnan dan Fariza Md Sham. (2019). “*The potential for implementing microfinancing from the zakat fund in Malaysia.*” *Humanities & Social Sciences Reviews* 7, no. 4 (2019): 542-548. [10 Mei 2022]

Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2015). *Mikro Kredit Daripada Dana Zakat di Baitul Mal Aceh dan Potensi Pelaksanaanya di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia. [14 September 2021].

Perkara ke-9, Teks Syariah Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan Pertubuhan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI)

Piawai Syariah Bank Negara Malaysia.

Razali Othman. (2013). *Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. [19 April 2022].

Robinson Marguiret S. (2001). *The Microfinance Revolution: Sustainable Finance for the Poor-Lessons from Indonesia, the emerging Industry*. Washington, DC: World Bank Publication. [13 Mei 2022]

Sharifah Faigah Syed Alwi. (2004). “*Konsep Pembiayaan Dan Pinjaman Dalam Sistem Kewangan Islam.*” <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/43082/1/43082.pdf>. [22 Februari 2022].

Syarifah Md Yusof dan Raziah Md. Tahir. (2014). *Pembiayaan Islam Vs Pinjaman Konvensional*. Proceedings Islamic Business Management Conference. [14 Jun 2022]

Siyiyad Faisal. (2010). *Dawr al-Waqf fi Tamwīl al-Jāmi‘āt wa Da‘mi al-Bahs al-‘Ilmiy*. Mu‘tamar Asar al-Waqf fi al-Nahdah al-Ilmiyah Jami‘ah al-Syariqah, University of Sharjah UAE , 9-10 Mei 2010. [24 Februari 2021].

Tunku Alina Alias & Murat Cizakca. (2016). “*Should Malaysian States Have a Fresh Approach to Waqfs ? : A Proposal for a Model Waqf Enactment.*” ISRA International Journal of Islamic Finance 6(2): 135–39. [17 Oktober 2021].

Yoshino, Naoyuki, and Peter J. Morgan. (2018). “*Financial Inclusion, Financial Stability and Income Inequality: Introduction.*” The Singapore Economic Review 63(1): 1–7. [24 Desember 2021].

Zariyawati Mohd Ashhari dan Suraya Hanim. (2015). “*Determinants of Microfinance Repayment Performance: Evidence from Small Medium Enterprises in Malaysia.*” International Journal of Economics and Finance 7, no. 11: 110. <https://doi.org/10.5539/ijef.v7n11p110>. [14 Jun 2022]